

Kerajaan jamin kekalkan suasana kondusif pelaburan

UM 5 OCT 2001
Oleh SAMSOR JUNET

KUANTAN 4 Okt. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini memberi jaminan kepada para pelabur asing dan tempatan bahawa keutamaan kerajaan pada masa ini ialah mengekalkan suasana kondusif pelaburan di negara ini.

Perdana Menteri berkata, untuk itu kerajaan akan meneruskan usaha-usaha proaktif dalam menjamin sebarang operasi perniagaan di negara ini sentiasa selamat dan dalam persekitaran terjamin.

Beliau berkata, ia semakin perlu jika dilihat dalam konteks kelembapan ekonomi dunia dan suasana di Amerika Syarikat (AS) sekarang, yang memerlukan Malaysia sentiasa menarik kemasukan Pelaburan Langsung Asing (FDI).

“Oleh yang demikian, saya berpendapat soal keselamatan tetap kekal sebagai perkara paling utama.

“Malah saya yakin, dengan kemudahan infrastruktur yang baik, kestabilan politik dan pelbagai insentif yang diberikan oleh kerajaan, Malaysia akan terus menjadi daya tarikan utama kemasukan projek industri petrokimia di rantau ini pada masa depan,” tegasnya.

Beliau menyatakan demikian ketika berucap merasmikan Kompleks

Petrokimia BASF-Petronas di Kawasan Perindustrian Gebeng di sini.

Dr. Mahathir menjelaskan, dalam usaha mencapai matlamat sedemikian, keutamaan sentiasa diberikan terhadap usaha mempertingkatkan kemudahan logistik dan infrastruktur.

Menurutnya, dalam konteks industri petrokimia, kerajaan memperuntukkan dana yang mencukupi untuk mempertingkatkan kemudahan sedia ada dan membina yang baru.

Beliau berkata, ia termasuklah usaha membina Lebuh raya Pantai Timur (LPT) yang dijangka siap Ogos 2003 dan kompleks kimia bersepadu BPC.

Perhatian

Katanya, LPT apabila siap sepenuhnya mampu memendekkan masa perjalanan sedia ada sebanyak satu pertiga dan ini menguntungkan pengangkutan produk-produk petrokimia dari koridor timur ke kawasan perindustrian di Pantai Barat.

Selain itu kata Dr. Mahathir, kerajaan telah membuat pelaburan bagi memperbesar lagi Pelabuhan Kuantan, saluran utama pengagihan petrokimia milik syarikat-syarikat di Gebeng dan banyak lagi.

Menurutnya, kerajaan memberi perhatian terhadap langkah sedemi-

kian kerana sedar industri petrokimia di Malaysia telah mengalami perubahan begitu menakjubkan sekarang jika dibandingkan 10 tahun lalu.

Katanya, setakat setengah tahun pertama tahun ini sahaja, jumlah pendapatan eksport yang dijana oleh industri kimia dan produk kimia di negara ini adalah RM7.8 bilion.

Beliau berkata, jumlah itu meliputi 5.4 peratus jumlah keseluruhan eksport sebanyak RM144 bilion jika dibandingkan hanya 4.8 peratus untuk tempoh yang sama tahun sebelumnya.

Selain itu kata Dr. Mahathir, projek-projek petrokimia juga telah menjana kemasukan jumlah FDI ke negara ini yang begitu banyak.

Katanya, sebagai bukti lebih AS\$5 bilion atau RM19 bilion bagi pelaburan yang dirancang untuk dilaksanakan melibatkan pelbagai projek petrokimia dalam lima tahun akan datang, 50 peratus datangnya daripada FDI.

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob, Pengerusi Petronas, Tan Sri Azizan Zainul Abidin, Presiden Petronas, Tan Sri Mohd. Hassan Marican dan Ahli Lembaga Pengarah Eksekutif BASF-AG, Helmut Becks.